

KISAH TAPAK KAKI BANU SALAMAH (KEUTAMAAN SOLAT JEMAAH)

Oleh: Abdullah Bukhari bin Abdul
Rahim



SOLAT JEMAAH KENA **TEMBAK??!!**

“Terima kasih Ustaz kerana sanggup sabar dan meluangkan masa untuk aku belajar al-Quran. Pernah sebelum ini aku dimarahi seorang Ustaz lain kerana tak pandai membaca al-Quran. Apa nak buat, kami lama hidup dalam jajahan Komunis. Aku hanya mampu baca al-Fatihah sahaja kerana ibu bapa hanya mampu mengajar aku surah itu sahaja. Hidup kami sebagai Muslim di negara kami cukup sukar. **Jangan mimpilah nak solat jemaah di Masjid, jika dilihat sedang solat kami akan terus ditembak.**”



KISAH LOKMAN DI KOREA & ZULKARNAIN DI JEPUN



**LOKMAN - BERGERAK 200KM
UNTUK SOLAT JUMAAT DI
MASJID**

**ZULKARNAIN - SOLAT JUMAAT
CUMA BEBERAPA KALI
SETAHUN**

BUMI MENANGIS?

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ وَمَا كَانُوا مُنْظَرِينَ

Mereka – Firaun dan tenteranya (ketika dibinasakan) itu tidak ditangisi oleh langit dan bumi (atau penduduk keduanya) dan mereka pula tidak diberi tempoh lagi (al-Dukhan 44:29).

BUMI BANGGA DENGAN KITA??

Pada suatu hari
Rasulullah SAW
membaca:

يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا

Pada hari itu
(bumi pun)
menceritakan
khabar beritanya
(al-Zalzalah
99:4).

أَتَدْرُونَ مَا أَخْبَارُهَا ؟ " ، قَالُوا : اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ ، قَالَ : " فَإِنَّ أَخْبَارَهَا أَنْ تَشْهَدَ عَلَى كُلِّ عَبْدٍ
وَأَمَةٍ بِمَا عَمِلَ عَلَى ظَهْرِهَا ، أَنْ تَقُولَ : عَمِلَ كَذَا وَكَذَا فِي يَوْمٍ كَذَا وَكَذَا ، فَهَذِهِ أَخْبَارُهَا " .

"Tahukah kamu apa khabar berita bumi itu?" Para
sahabat menjawab: " Hanya Allah dan RasulNya
mengetahui." Baginda menyambung: "Khabar
berita-nya adalah ia bersaksi atas semua hamba
terhadap apa yang mereka lakukan atasnya. Lalu
bumi berkata: Dia melakukan perkara itu dan ini
pada hari sekian dan sekian. Itulah perkhabarannya"
(Sunan al-Tirmidhi & Musnad Ahmad).

ADUAN DAN KELUHAN BANI SALAMAH

Kampong mereka jauh dari Masjid Nabawi. Mereka berhasrat untuk berpindah berhampiran masjid Nabawi agar cepat mereka sampai sejurus azan dikumandang.

Sejurus selepas dinyatakan hasrat itu, baginda SAW berpesan bahawa setiap langkah ditulis sebagai pahala. Semakin panjang langkah mereka ke Masjid, semakin panjanglah senarai pahala mereka

Allah lalu menurunkan ayat ini:

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَارَهُمْ وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ

Sesungguhnya Kami menghidupkan orang yang mati, **“DAN KAMI TULISKAN SEGALA YANG MEREKA TELAH KERJAKAN SERTA SEGALA KESAN TAPAK KAKI (PERKATAAN DAN PERBUATAN) YANG MEREKA TINGGALKAN.** Dan (ingatlah) setiap sesuatu kami catitkan satu persatu dalam Kitab (ibu Suratan) yang jelas nyata (Yasin 36:12)
(Sunan al-Tirmidhi, Musnad Ahmad, Mustadrak al-Hakim).

APA LAGI KESAN PENINGGALAN KITA?

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعُمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وَزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

Sesiapa yang merintis dalam Islam satu amalan yang baik, lalu diamalkan amalan tersebut (secara meluas) selepasnya, maka ditulis baginya pahala seperti pahala orang yang mengamalkannya selepasnya tanpa dikurangi sedikitpun pahala mereka itu. Dan sesiapa yang merintis dalam islam satu amalan yang buruk, lalu diamalkan amalan tersebut (secara meluas) selepasnya, maka ditulis baginya dosa seperti dosa orang yang mengamalkannya selepasnya tanpa dikurangi sedikitpun dosa mereka itu (Sahih Muslim).

KEWAJIPAN SOLAT BERJEMAAH?

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوا فَلْيَكُونُوا مِنْ وَرَائِكُمْ وَلْتَأْتِ طَائِفَةٌ أُخْرَى لَمْ يُصَلُّوا فَلْيُصَلُّوا مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ...

Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada bersama mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak daripada mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersamamu, dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing; kemudian apabila mereka sujud, hendaklah mereka undur ke belakang (untuk menjaga serbuan musuh); dan hendaklah datang pula puak yang lain (yang kedua) yang belum sembahyang (kerana menjaga serbuan musuh), maka hendaklah mereka bersembahyang (berjamaah) bersamamu, dan hendaklah mereka mengambil langkah berjaga-jaga serta menyandang senjata masing-masing.... (al-Nisa' 4:102).

HANYA ALASAN KUKUH

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ أَعْمَى فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ لِي قَائِدٌ يَقُودُنِي إِلَى الْمَسْجِدِ فَسَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرَخِّصَ لَهُ فَيُصَلِّيَ فِي بَيْتِهِ فَرَخَّصَ لَهُ فَلَمَّا وَلَّى دَعَاهُ فَقَالَ هَلْ تَسْمَعُ النِّدَاءَ بِالصَّلَاةِ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَأَجِبْ

Abu Hurayrah menceritakan seorang lelaki buta datang bertemu Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah SAW, tiada siapa yang boleh membawaku ke masjid (untuk solat jemaah).” Beliau kemudiannya meminta agar diberi kelonggaran untuk tidak berjemaah di masjid serta bersolat di rumahnya. Pada mulanya Rasulullah SAW membenarkannya, namun setelah beliau berpaling (mahu pulang) Rasulullah memanggilnya dan bertanya: “Adakah kamu mendengar laungan azan?” Beliau menjawab: “Ya!” Rasulullah kemudiannya berkata: “Maka hendaklah kamu menyahut seruan itu (dan datang solat jemaah)” (Sahih Muslim).

SI BUTA CARI MASJID GANTI UNTUK KEKAL BERJEMAAH

أَنَّ عِثْبَانَ بْنَ مَالِكٍ، وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِمَّنْ شَهِدَ بَدْراً مِنَ الْأَنْصَارِ: أَنَّهُ أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَنْكَرْتُ بَصَرِي، وَأَنَا أُصَلِّي لِقَوْمِي، فَإِذَا كَانَتِ الْأَمْطَارُ سَالَ الْوَادِي الَّذِي بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ، لَمْ أَسْتَطِعْ أَنْ آتِيَ مَسْجِدَهُمْ فَأُصَلِّيَ لَهُمْ، فَوَدِدْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنَّكَ تَأْتِي فَتُصَلِّيَ فِي بَيْتِي فَأَتَّخِذُهُ مُصَلِّيً، فَقَالَ: «سَأَفْعَلُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ» قَالَ عِثْبَانُ: فَعَدَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ حِينَ ارْتَفَعَ النَّهَارُ، فَاسْتَأْذَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَذِنَتْ لَهُ، فَلَمْ يَجْلِسْ حَتَّى دَخَلَ الْبَيْتَ، ثُمَّ قَالَ لِي: «أَيُّنَ تُحِبُّ أَنْ أُصَلِّيَ مِنْ بَيْتِكَ؟» فَأَشَرْتُ إِلَى نَاحِيَةِ مِنَ الْبَيْتِ، فَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَبَّرَ فَصَفَّفْنَا، فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ سَلَّمَ

(Sahih al-Bukhari, 5401).

KISAH MAHOMED KHATRI DAN VARGO (UK 2008)

Guide dog allowed to enter mosque

A blind Muslim student has become the first person to be allowed to take a guide dog into a UK mosque.

18:18, Wed, Sep 24, 2008



Mahomed-Abraar Khatri and Vargo with Head Imam Hafiz Rehman at a mosque in Leicester

KEWAJIPAN & KELEBIHAN SOLAT BERJEMAAH?

BENTENG ROHANI & MENTAL

وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ وَأَخِيهِ أَنْ تَبَوَّآ لِقَوْمِكُمَا بِمِصْرَ بُيُوتًا وَاجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قِبْلَةً وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

Dan (setelah itu), Kami wahyukan kepada Nabi Musa serta saudaranya (Nabi Harun): "Hendaklah kamu berdua mendirikan rumah di Mesir untuk menempatkan kaum kamu, **DAN JADIKANLAH RUMAH KAMU TEMPAT SEMBAHYANG, SERTA DIRIKANLAH SEMBAHYANG (SECARA JEMAAH) DALAMNYA; DAN SAMPAIKANLAH BERITA GEMBIRA KEPADA ORANG YANG BERIMAN (BAHAWA MEREKA AKAN DISELAMATKAN DARI KEZALIMAN FIRAUN DAN KAUMNYA)**" (Yunus 10:87).

KELEBIHAN SOLAT BERJEMAAH

مَنْ تَوَضَّأَ لِلصَّلَاةِ فَأَسْبَغَ الْوُضُوءَ، ثُمَّ مَشَى إِلَى الصَّلَاةِ الْمَكْتُوبَةِ، فَصَلَّاهَا مَعَ النَّاسِ أَوْ مَعَ الْجَمَاعَةِ أَوْ فِي الْمَسْجِدِ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ ذُنُوبَهُ

Sesiapa yang berwudhuk secara sempurna untuk solat kemudian berjalan kaki ke masjid untuk menunaikan solat berjemaah. Lalu dia solat bersama orang ramai secara berjemaah di masjid, Allah akan mengampunkan dosanya (Sahih Muslim, 232).

KELEBIHAN SOLAT BERJEMAAH

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ عَلَى صَلَاةِ الرَّجُلِ وَحْدَهُ، بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً.

Solat berjemaah melebihi pahala solat
sendirian dengan 27 darjat
(Sunan al-Tirmidhi, 215).

صَلَاةُ الْجَمِيعِ تَزِيدُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ، وَصَلَاتِهِ فِي سُوقِهِ، خَمْسًا وَعِشْرِينَ دَرَجَةً، فَإِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ، وَأَتَى الْمَسْجِدَ، لَا يُرِيدُ إِلَّا الصَّلَاةَ، لَمْ يَخْطُ خَطْوَةً إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ بِهَا دَرَجَةً، وَحَطَّ عَنْهُ خَطِيئَةٌ، حَتَّى يَدْخُلَ الْمَسْجِدَ، وَإِذَا دَخَلَ الْمَسْجِدَ، كَانَ فِي صَلَاةٍ مَا كَانَتْ تَحْبِسُهُ، وَتُصَلِّي - يَعْنِي عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ - مَا دَامَ فِي مَجْلِسِهِ الَّذِي يُصَلِّي فِيهِ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ، اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ، مَا لَمْ يُحْدِثْ فِيهِ “

Pahala solat berjemaah melebihi **sebanyak 25 darjat** seseorang yang solat sendirian di rumah atau di pasarnya. Sesiapa yang berwuduk dengan sempurna lalu mendatangi masjid semata-mata kerana mahu solat, setiap langkah yang diambilnya akan mengangkat satu darjat serta menghapuskan satu kesalahan, sehinggalah dia masuk ke dalam masjid. Setelah dia masuk, para malaikat akan sentiasa mendoakannya dengan doa Ya Allah! Ampunilah dia, rahmatilah dia, selagi mana dia tidak berhadath atau melakukan dosa (Sahih al-Bukhari, 477).

25 ATAU 27 PAHALA???

وهذا الاختلافُ راجعٌ لاختلافِ أحوالِ المصلِّين والصَّلاةِ، فيكونُ لبعضهم خمسٌ وعِشرونَ،
ولبعضهم سَبْعٌ وعِشرونَ؛ وذلك بحسبِ كَمالِ الصَّلاةِ، ومُحافظتِه على هَيْئَتِها، وحُشوعِها،
وكثرةِ جَماعتِها، وفضلِهم، وشرفِ البُقعةِ. وقيلَ غيرُ ذلك

Pahala berbeza antara 25 atau 27 mengikut
keseumpuraan solat serta kekerapannya melakukan
solat berjemaah, juga situasi khushuk, penjagaan setiap
pelengkap solat serta lokasi solatnya.....

**KELEBIHAN
SOLAT
SUBUH
BERJEMAAH?**



KELEBIHAN SOLAT ISYAK & SUBUH

مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا قَامَ نِصْفَ اللَّيْلِ، وَمَنْ صَلَّى الصُّبْحَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا صَلَّى اللَّيْلَ كُلَّهُ

Sesiapa yang solat isyak berjemaah, pahalanya seperti menghidupkan separuh malam. **Manakala sesiapa yang solat subuh berjemaah, pahalanya seperti menghidupkan seluruh malam** (Sahih Muslim, 656).

SOLAT YANG DISAKSIKAN?

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْآنَ الْفَجْرِ إِنَّ قُرْآنَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا (78)

Dirikanlah olehmu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam, dan (dirikanlah) solat subuh **sesungguhnya solat subuh itu adalah disaksikan (keistimewaannya) (al-Isra' 17:78).**

PENJAGA YANG BERGANTIAN GILIRANNYA

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ

Bagi setiap seorang (manusia) ada malaikat penjaga yang silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah (al-Ra'd 13:11).

BERTUKAR GILIRAN PADA 2 WAKTU

يَتَعَاقَبُونَ فِيكُمْ مَلَائِكَةٌ بِاللَّيْلِ وَمَلَائِكَةٌ بِالنَّهَارِ وَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ وَصَلَاةِ الْعَصْرِ ثُمَّ يَعرُجُ الَّذِينَ بَاتُوا فِيكُمْ
فَيَسْأَلُهُمْ رَبُّهُمْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِهِمْ كَيْفَ تَرَكْتُمْ عِبَادِي فَيَقُولُونَ تَرَكْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ وَأَتَيْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ

Para malaikat datang silih berganti pada kalian pada waktu malam dan waktu siang. Mereka berkumpul ketika waktu solat subuh dan Asar. Kemudian yang menjaga kalian di waktu malam naik. Kemudian Allah Yang Maha Mengetahui urusan mereka, bertanya kepada malaikat-malaikat tersebut, “Bagaimanakah keadaan hamba-Ku ketika kalian tinggalkan? Mereka menjawab, “Kami tinggalkan mereka ketika mereka sedang solat dan kami datang juga ketika mereka sedang solat”

(Sahih al-Bukhari, 522 & Sahih Muslim, 1001).

MJURAH REZEKI DENGAN SUBUH BERJEMAAH?

عَنْ صَخْرِ الْغَامِديِّ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اللَّهُمَّ بَارِكْ لِأُمَّتِي فِي بُكُورِهَا وَكَانَ إِذَا بَعَثَ سَرِيَّةً أَوْ جَيْشًا بَعَثَهُمْ مِنْ أَوَّلِ النَّهَارِ وَكَانَ صَخْرٌ رَجُلًا تَاجِرًا وَكَانَ يَبْعَثُ تِجَارَتَهُ مِنْ أَوَّلِ النَّهَارِ فَأَثَرَى وَكَثُرَ مَالُهُ

Sakhr al-Ghamidi meriwayatkan nabi berdoa: **“YA ALLAH! BERIKAN KEBERKATAN PADA UMATKU PADA AWAL PAGINYA.”** Apabila mahu mengutus pasukan tentera (kecil atau besar), Rasulullah biasa mengutus di awal pagi. Sakhr adalah seorang peniaga dan biasa mengutus urusan niaganya pada awal pagi. Berikutan itu hartanya menjadi subur dan banyak

(Sunan Abi Dawud, 2239 & Sunan al-Tirmidhi, 1133).

CADANGAN DOA DENGAN SEDIKIT OLAHAN

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي بُكُورِنَا

**“YA ALLAH! BERIKAN
KEBERKATAN PADA KAMI
PADA (URUSAN) AWAL PAGI
KAMI.”**



HIKMAH SOLAT JEMAAH

- 1- زرعُ المودّة والمحبة بين المسلمين، مع كونها وسيلةً للتعارفِ فيما بينهم.
- 2- إظهارُ شَعيرةٍ من أعظمِ شعائرِ الإسلام.
- 3- تعويدُ الأُمّةِ الإسلاميّةِ على الاجتماع، وعدمِ التفرُّق.
- 4- تعويدُ المسلمِ على ضبطِ النَّفسِ؛ فمتابعةُ الإمامِ في الصَّلَاةِ يُدربُّه على ضبطِ النَّفسِ.
- 5- شعورُ المسلمينَ بالمساواة.
- 6- تفقُّدُ أحوالِ المسلمين من الفقراء والمرضى؛ لمساعدتهم، والمتهاونينَ في الصَّلَاةِ لُنصحِهِم، والجاهلينَ بأحكامِ الصَّلَاةِ؛ لتعليمِهِم.
- 7- زيادةُ نشاطِ المسلمِ واجتهاده في العبادة إذا رأى المجتهدين من المسلمين في العبادة.
- 8- اجتماعُ المسلمين في أوقاتٍ مُعيَّنة يُربِّيهِم على المحافظةِ على الأوقاتِ.

SOLAT JEMAAH **ATAU LANGSUNG TAK SOLAT**

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا ۖ لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا ۖ نَحْنُ نَرْزُقُكَ ۗ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ

Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertaqwa (Taha 20:132).

MENINGGALKAN SOLAT PUNCA KEROSAKAN

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهَوَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا

Kemudian mereka digantikan oleh keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka) (Maryam 19:59).

MALU BESAR DI AKHIRAT?

يَوْمَ يُكْشَفُ عَنْ سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ (42) خَاشِعَةً أَبْصَارُهُمْ تَرْهُقُهُمْ ذِلَّةٌ وَقَدْ كَانُوا يُدْعَوْنَ
إِلَى السُّجُودِ وَهُمْ سَالِمُونَ (43)

(Ingatkanlah orang yang tidak beriman) akan masa didedahkan kedahsyatan huru-hara (hari kiamat), dan mereka diseru supaya sujud maka mereka tidak dapat melakukannya, -

[Sambil pandangan mereka tunduk malu, serta mereka diliputi kehinaan; dan sesungguhnya mereka (di dunia) dahulu telahpun diseru supaya sujud (tetapi mereka enggan) sedang mereka dalam keadaan sihat (al-Qalam 68:42-43).

TIADA KELONGGARAN PADA SOLAT

فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ (239)

Dan jika kamu takut (sesuatu bahaya) maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkendaraan, kemudian apabila kamu telah aman sentosa, maka hendaklah kamu mengingat Allah (dengan mengerjakan sembahyang secara yang lebih sempurna), sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang kamu tidak mengetahuinya (al-Baqarah 2.239).

SOLAT TERAPI JIWA YANG KESEDIHAN

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضِيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ (97) فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُنْ مِنَ السَّاجِدِينَ (98)
(وَاعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّى يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ) 99

Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa engkau bersusah hati dengan sebab apa yang mereka katakan. Oleh itu, bertasbihlah engkau dengan memuji Tuhanmu, serta jadilah dari orang-orang yang sujud. Dan sembahlah Tuhanmu, sehingga datang kepadamu (perkara yang tetap) yakin (KEMATIAN) (al-Hijr 15:97-99).

SOLAT BANTU JADI ORANG BAIK

اَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, **dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah (DENGAN BERSOLAT)** adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan (al-'Ankabut 29:45).

**DI MANAPUN ANDA
BERADA! JAGA SOLAT
JEMAAH KERANA IA
TENAGA DALAMAN
ORANG BERIMAN**

SEKIAN, TERIMA KASIH!

